



# PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*  
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

*Timbalan Presiden*  
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

*Naib Presiden*  
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)  
SALIZA BT ABDULLAH  
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

*Setiausaha Kehormat*  
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

*Bendahari Kehormat*  
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

*Penolong Setiausaha*  
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

*Penolong Bendahari*  
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

*Ahli-ahli Jawatankuasa*  
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT  
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)  
HJ MOHD YUSOFF B. M DAUD  
ADNAN B. ABDULLAH  
ADILA B. DATO' ABDULLAH  
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN  
TUDM(B)  
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA  
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU  
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

*Juruaudit Dalaman*  
MOHD HODORI B. SARBINI  
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*AJK WP Kuala Lumpur*  
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

*AJK Negeri Selangor*  
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

*AJK Negeri Johor*  
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

*AJK Negeri Perak*  
ZAITON BT MOHD NUSI

*AJK Negeri Kelantan*  
AFENDI BIN MUKHTAR

*AJK Negeri Pahang*  
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*AJK Negeri Pulau Pinang*  
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

*AJK Negeri Kedah & Perlis*  
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

*AJK Negeri Melaka*  
DATO' GAN PENG LAM

*AJK Negeri Sembilan*  
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

*AJK Negeri Sabah*  
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

*AJK Negeri Sarawak*  
SHAHARUDDIN B. SAMSI

*Sekretariat*

*Pengurus Besar*  
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/AHLI/MAT28/NOTIS/2021(1)

24 November 2021

## PRESIDEN DAN AHLI JAWATANKUASA PIKM LEMBAGA DISIPLIN PIKM SEMUA AHLI PIKM JURUAUDIT BERTAULIAH JURUAUDIT DALAMAN

YBhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM) KE-28

Perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah menetapkan mesyuarat agung pertubuhan berdaftar hendaklah dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

3. Selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Mesyuarat Pertubuhan Berdaftar bagi Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 Majlis Keselamatan Negara yang berkuatkuasa, **mesyuarat agung secara bersemuka dibenarkan hanya kepada individu yang telah lengkap vaksinasi dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.**

4. Sehubungan itu, selaras peruntukan Artikel 8 dan Artikel 9 Perlembagaan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM), Ahli Jawatankuasa PIKM telah memutuskan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PIKM Ke-28 pada ketetapan seperti berikut:

**TARIKH** : 28 DISEMBER 2021 (SELASA)  
**MASA** : 9.00 PAGI - 5.00 PETANG  
(PENDAFTARAN BERMULA JAM 7.30 PAGI)  
**TEMPAT** : DEWAN MENTARI, MÖVENPICK HOTEL  
AND CONVENTION CENTRE KLIA,  
KOMPLEKS TH SEPANG, JALAN MASJID  
KLIA, 64000 SEPANG, SELANGOR  
**ATURCARA** : Dinamakan Lampiran 1  
**AGENDA** : Dinamakan Lampiran 2  
**PAKAIAN** : Formal dan kemas

5. Semua ahli diminta untuk :
  - 5.1 Menamakan **dua (2) orang Perwakilan** terdiri daripada **Pemegang Saham atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat** untuk menghadiri mesyuarat agung;
  - 5.2 Memastikan perwakilan yang dinamakan hendaklah mematuhi **Artikel 9 (Perkara 9.5) Perlembagaan PIKM**;
  - 5.3 Membuat **cadangan usul** Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PIKM Ke-28 serta **penamaan calon bagi Ahli Jawatankuasa PIKM** bagi Sesi Tahun 2021-2023, sekiranya ada.
  - 5.4 Mengambil perhatian **Pemilihan Ahli Jawatankuasa PIKM** bagi Sesi Tahun 2021-2023 juga akan diadakan semasa Mesyuarat Agung Tahunan PIKM ke-28.
  
6. Bersama ini dilampirkan **Tatacara penggunaan Portal e-PIKM ([www.e-pikm.my](http://www.e-pikm.my))** bagi mengisi borang Pendaftaran Perwakilan, Cadangan Usul, dan Penamaan Calon seperti di **Lampiran 3**. **Borang-borang tersebut perlu dilengkapkan melalui Portal e-PIKM** yang kemudiannya **dicetak, ditandatangani dan dicop** untuk dikemukakan kepada Sekretariat PIKM menerusi **emel [agm28@pikm.my](mailto:agm28@pikm.my)**.
  - 6.1 **Borang Pendaftaran Perwakilan (Borang A)** - *Panduan mengisi Borang A sila rujuk **Lampiran 4***;
  - 6.2 **Borang Cadangan Usul Bertulis (Borang B)** - *Jika ada, sila isikan dalam ruangan yang disediakan di Portal; dan*
  - 6.3 **Borang Penamaan Calon AJK Sesi 2021-2023 (Borang C)** - *Jika ada, sila rujuk Panduan di **Lampiran 5***.
  
7. **Borang Perwakilan (Borang A)**
  - 7.1. Diisi dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
  - 7.2. Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **[agm28@pikm.my](mailto:agm28@pikm.my)**;
  - 7.3. Bagi kelancaran dan persediaan awal, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 15 Disember 2021 (Rabu)**, sebelum jam 5.30 petang (13 hari sebelum tarikh AGM).

8. **Borang Cadangan Usul (Borang B) - sekiranya berkaitan**

- 8.1. Diisi dengan lengkap jika ada usul;
- 8.2. Disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
- 8.3. Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
- 8.4. Tarikh akhir penerimaan Borang B **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.

9. **Borang Penamaan Calon (Borang C) - sekiranya berkaitan**

- 9.1. Borang Penamaan Calon (jika ada) perlu diisi dan dicetak melalui Portal e-PIKM;
- 9.2. Borang kemudiannya perlu ditandatangani oleh Pencadang dan Penyokong dari kalangan Pengarah atau Pemegang Saham dari syarikat yang berlainan;
- 9.3. Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
- 9.4. Tarikh akhir penerimaan Borang C **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.3 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.

10. Diingatkan semua ahli hendaklah menjelaskan yuran tahunan 2021 dan sebarang tunggakan yuran kepada Persatuan bagi mengelakkan kehilangan hak sebagai ahli Persatuan selaras dengan ketetapan Artikel 5, Artikel 6, dan Artikel 7 Perlembagaan PIKM.

11. Laporan Tahunan Aktiviti PIKM, Penyata Kira-kira PIKM bagi Tahun berakhir 31 Disember 2020, Usul, dan senarai calon-calon pemilihan akan dipamerkan dan boleh dimuat turun melalui **laman web rasmi Persatuan (www.pikm.my) pada 21 Disember 2021 (Selasa)** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.4 (7 hari sebelum tarikh AGM). Untuk makluman, **PIKM tidak membekalkan bahan bercetak berkaitan, pada hari mesyuarat tersebut.** Tarikh-tarikh penting berkaitan mesyuarat agung seperti di **Lampiran 6.**

Segala kerjasama YBhg. Tun/Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan  
didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

Yang benar,



**KU NORAZMI BIN DATO' HJ. IMAM ASMAWI**  
**SETIAUSAHA KEHORMAT**

s.k:

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor  
Aras 8, Wisma PKPS, Persiaran Perbandaran  
Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor



# **ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-28**

**28 Disember 2021 (Selasa)**  
**Dewan Mentari, Mövenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Kompleks TH**  
**Sepang, Jalan Masjid KLIA, 64000 Sepang,**  
**Selangor Darul Ehsan**

<b>MASA</b>	<b>ACARA</b>
<b>7.30 pagi</b>	Pendaftaran Perwakilan Ahli Persatuan bermula
<b>9.00 pagi - 5.00 petang</b>	Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28 bersidang
<b>MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-28</b>	
<b>11.30 pagi</b>	Ketibaan Tetamu Jemputan
<b>11.50 pagi</b>	Ketibaan Tetamu Kehormat
<b>12.00 tengah hari</b> <b>12.10 tengah hari</b> <b>12.15 tengah hari</b>	Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Industri Kawalan Keselamatan Bacaan Doa Ucapan Aluan YBhg. Dato' Sri Hj Ramli bin Hj Yusuff, Presiden PIKM Ucapan Perasmian oleh Tetamu Kehormat Perasmian Mesyuarat Agung PIKM ke-28 oleh Tetamu Kehormat Jamuan makan tengah hari
<b>2.45 petang</b>	<b>TETAMU JEMPUTAN BERSURAI</b>
<b>3.00 petang</b>	Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28 bersambung
<b>5.00 petang</b>	Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28



# **AGENDA**


## **MESYUARAT AGUNG PIKM KE-28**

<b>BIL</b>	<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
1.	9.00 am	Ucapan Pembukaan Presiden
2.	9.15 am	Pemilihan Ahli Jawatankuasa PIKM Bagi Sesi 2021-2023 i. Penerangan mengenai prosidur pemilihan ii. Pemilihan Ahli Jawatankuasa PIKM Sesi 2021-2023 bermula 9.30 am sehingga 2.30 pm
3.	9.30 am	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung PIKM Ke-27
4.	9.45 am	Mengesahkan Laporan Tahunan PIKM Tahun 2021
5.	10.00 am	Mengesahkan dan Meluluskan Laporan dan Penyata Kewangan PIKM bagi Tahun 2020
6.	10.30 am	Membentang Usul Jawatankuasa
7.	11.45 am - 2.45 pm	Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28
8.	3.00 pm	Membentang dan Menimbang Usul-usul bertulis
9.	4.00 pm	Pelantikan Juruaudit Bertauliah
10.	4.15 pm	Pelantikan Penasihat Undang-undang Bertauliah
11.	4.30 pm	Keputusan Pengundian Pemilihan Ahli Jawatankuasa PIKM Bagi Sesi 2021-2023
12.	5.00 pm	Ucapan Penangguhan oleh Presiden PIKM Bagi Sesi 2021-2023

**TATACARA BORANG PENDAFTARAN PERWAKILAN, CADANGAN USUL DAN PENAMAAN CALON BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-28 MELALUI PORTAL E-PIKM**

**1. PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A)**

**Langkah 1:** Login ke Portal e-PIKM di <https://www.e-pikm.my>



**Langkah 2:** Perwakilan yang belum memulakan sebarang pendaftaran berkaitan Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-28 (AGM) akan melihat paparan maklumat seperti di atas di halaman utama Portal e-PIKM. Klik butang **PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A)**.

**BORANG PENDAFTARAN PERWAKILAN  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-28**

Klik Disini Untuk Melihat Tatacara Mengisi Maklumat Perwakilan

Nama Syarikat	
<input type="text" value="ABC XYZSecurity Sdn Bhd"/>	
No. Ahli PIKM	
<input type="text" value="8888"/>	
Alamat Syarikat *	
<input type="text" value="Alamat Baris 1"/>	
<input type="text" value="Alamat Baris 2"/>	
<input type="text" value="Alamat Baris 3"/>	
Poskod *	Daerah *
<input type="text" value="Masukkan Poskod"/>	<input type="text" value="Masukkan Daerah"/>
Negeri *	
<input type="text" value="Selangor"/>	
Telefon *	Faks
<input type="text" value="03"/> <input type="text" value="Masukkan No. Telefon"/>	<input type="text" value="03"/> <input type="text" value="Masukkan No. Faks"/>
Email *	

**Langkah 3:** Anda akan dibawa ke halaman borang yang perlu diisi. Sila isi maklumat seperti yang ditunjukkan di atas. Semak maklumat syarikat dan pastikan lengkap dan tepat. Sila kemaskini maklumat syarikat jika perlu. Sila pastikan butiran syarikat menggunakan butiran ibu pejabat syarikat.

Nama Penuh Perwakilan 1 \*

Masukkan Nama Penuh Perwakilan 1

Nama Penuh Perwakilan 2

Masukkan Nama Penuh Perwakilan 2

Jawatan Dalam Syarikat \*

Masukkan Jawatan Perwakilan:

NRIC \*

Masukkan NRIC Wakil 1

Jawatan Dalam Syarikat

Masukkan Jawatan Perwakilan:

NRIC

Masukkan NRIC Wakil 2

**Langkah 4:** Masukkan maklumat Perwakilan 1 dan Perwakilan 2 dengan lengkap.

Maklumat Diatas Diisi Oleh (sila masukkan nama penuh) \*

Masukkan Nama Penuh Pengisi Maklumat Diatas

Masukkan NRIC Pengisi Maklumat\*

Masukkan NRIC Pengisi Maklumat Diatas



DAFTAR MAKLUMAT

[Klik Disini Untuk Kembali Ke Halaman Utama](#)

**Langkah 5:** Masukkan nama individu yang bertanggungjawab mengisi semua maklumat di atas beserta nombor kad pengenalan. Klik butang **DAFTAR MAKLUMAT** untuk menghantar semua maklumat di atas.

e-pikm.my says

Maklumat Berkaitan AGM Berjaya Dihantar!

OK

**Langkah 6:** Maklumat yang berjaya disimpan akan memaparkan mesej seperti di atas. Klik **OK** untuk kembali ke Portal e-PIKM.


## 2. CADANGAN USUL (BORANG B)

**← PENDAFTARAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) PIKM KE-28**

**PERHATIAN! SILA LENGKAPKAN BORANG DI BAWAH SEBELUM DICETAK:**

- 1. Borang Pendaftaran Perwakilan (Borang A)**
  - Diisi dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 15 Disember 2021 (Rabu)**, sebelum jam 5.30 petang (13 hari sebelum tarikh AGM).
  
- 2. Borang Cadangan Usul (Borang B) - sekiranya berkaitan**
  - Diisi dengan lengkap jika ada usul;
  - Disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Tarikh akhir penerimaan Borang B **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.
  
- 3. Borang Penamaan Calon (Borang C) - sekiranya berkaitan**
  - Borang Penamaan Calon (jika ada) perlu diisi dan dicetak melalui Portal e-PIKM;
  - Borang kemudiannya perlu ditandatangani oleh Pencadang dan Penyokong dari kalangan Pengarah atau Pemegang Saham dari syarikat yang berlainan;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Tarikh akhir penerimaan Borang C **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.3 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.

1 PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A) 1 CADANGAN USUL JIKA ADA (BORANG B) 1 PENAMAAN CALON JIKA ADA (BORANG C)



**Langkah 1:** Jika tiada sebarang **Cadangan Usul (Borang B)** dan **Penamaan Calon (Borang C)**, sila klik pada butang **“CETAK BORANG A”** untuk dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my** pada atau sebelum **15 Disember 2021 (Rabu)**, sebelum jam **5.30 petang**.

Jika ada, sila klik butang **“CADANGAN USUL (BORANG B)”** seperti di atas.

### BORANG CADANGAN USUL SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA KE-28

Nama Syarikat


ABC XYZSecurity Sdn Bhd

Cadangan Usul \*

SIMPAN MAKLUMAT

[Klik Disini Untuk Kembali Ke Halaman Utama](#)

**Langkah 2:** Anda akan dibawa ke halaman borang yang perlu diisi. Sila isi cadangan usul seperti yang ditunjukkan di atas. Klik butang **SIMPAN MAKLUMAT** untuk menghantar cadangan usul tersebut.



**Langkah 3:** Maklumat yang berjaya disimpan akan memaparkan mesej seperti di atas. Klik **OK** untuk kembali ke Portal e-PIKM.

### 3. PENAMAAN CALON (BORANG C)

↳ PENDAFTARAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM) PIKM KE-28

PERHATIAN! SILA LENGKAPKAN BORANG DI BAWAH SEBELUM DICETAK:

- Borang Pendaftaran Perwakilan (Borang A)**
  - Diisi dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 15 Disember 2021 (Rabu)**, sebelum jam 5.30 petang (13 hari sebelum tarikh AGM).
- Borang Cadangan Usul (Borang B) – sekiranya berkaitan**
  - Diisi dengan lengkap jika ada usul;
  - Disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan selepas dicetak di Portal e-PIKM;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Tarikh akhir penerimaan Borang B **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.
- Borang Penamaan Calon (Borang C) – sekiranya berkaitan**
  - Borang Penamaan Calon (jika ada) perlu diisi dan dicetak melalui Portal e-PIKM;
  - Borang kemudiannya perlu ditandatangani oleh Pencadang dan Penyokong dari kalangan Pengarah atau Pemegang Saham dari syarikat yang berlainan;
  - Dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**;
  - Tarikh akhir penerimaan Borang C **pada 7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang** selaras dengan Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.3 iaitu 21 hari sebelum tarikh AGM.

1 PENDAFTARAN PERWAKILAN (BORANG A)

1 CADANGAN USUL JIKA ADA (BORANG B)

1 PENAMAAN CALON JIKA ADA (BORANG C) ←

**Langkah 1:** Jika ada penamaan calon bagi Ahli Jawatankuasa Sesi 2021-2023, sila klik butang “PENAMAAN CALON (BORANG C)” seperti di atas.

**BORANG PENAMAAN CALON**  
**AHLI JAWATANKUASA PIKM SESI TAHUN 2021/2023**  
**Klik Disini Untuk Melihat Tatacara Mengisi Borang Penamaan Calon**

---

Nama Syarikat

No. Ahli PIKM

---

**1. PENCALONAN PRESIDEN**

Nama Penuh Calon

Nama Syarikat Calon  No. Kad Pengenalan Baru Calon (Tanpa -)


---

**2. PENCALONAN TIMBALAN PRESIDEN**


Nama Penuh Calon

Nama Syarikat Calon  No. Kad Pengenalan Baru Calon (Tanpa -)

**Langkah 2:** Anda akan dibawa ke halaman borang yang perlu diisi seperti di atas. Klik butang **SIMPAN MAKLUMAT** untuk menghantar penamaan calon tersebut.



**Langkah 3:** Maklumat yang berjaya disimpan akan memaparkan mesej seperti di atas. Klik **OK** untuk kembali ke Portal e-PIKM.



**Langkah 4:** Ahli perlu bersetuju dengan Terma Penafian atau *Disclaimer* yang ditetapkan sebelum dapat mencetak borang-borang. Ahli akan dianggap bersetuju dengan terma penafian yang ditetapkan jika mencetak borang tersebut.

**Catatan Penting:** Borang yang telah dicetak perlu dilengkapkan di bahagian yang memerlukan tulisan tangan dan juga perlu dicop dengan cop syarikat di tempat yang sepatutnya.

### **PERINGATAN PENTING**

**PIHAK SEKETARIAT BERHAK MENOLAK PENDAFTARAN YANG DIDAPATI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, MENGANDUNGI MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT ATAU TIDAK BENAR.**

*Untuk bantuan teknikal berkaitan pengisian maklumat di atas, sila hubungi pihak Sekretariat PIKM di talian 03-7804 7359 / 03-7804 9358.*



**Panduan Mengisi Borang Perwakilan (Borang A)**

1. Syarikat yang akan menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PIKM ke-28 perlu mengisi dengan lengkap Borang Perwakilan seperti di **Borang A melalui Portal e-PIKM ([www.e-pikm.my](http://www.e-pikm.my))**.
2. Syarikat perlu memastikan butiran yang diperlukan iaitu nama syarikat, alamat, nombor telefon, nombor faks, alamat emel, serta mengemukakan butiran dua orang perwakilan iaitu nama penuh, nombor kad pengenalan dan jawatan **diisi dengan tepat**.
3. Syarikat perlu **mencetak Borang A** yang diisi dari Portal e-PIKM dan **mengesahkan borang tersebut oleh Pengarah Urusan** dengan melengkapkan nama, tandatangan, tarikh dan cop syarikat.
4. Borang Perwakilan (Borang A) yang telah lengkap diisi harus dikemukakan kepada Sekretariat PIKM ke alamat emel **agm28@pikm.my**.
5. Persatuan berhak untuk menolak pendaftaran perwakilan bagi maklumat yang didapati **tidak lengkap atau tidak sah**.
6. Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat, diminta syarikat mengemukakan Borang A **pada atau sebelum 15 Disember 2021 (Rabu), sebelum jam 5.30 petang** (13 hari sebelum tarikh AGM).
7. **PIHAK SEKETARIAT BERHAK MENOLAK PENDAFTARAN YANG DIDAPATI TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, MENGANDUNGI MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT / TIDAK BENAR ATAU DITERIMA SELEPAS JAM 5:30 PM PADA 15 DISEMBER 2021.**

**Nota:** Artikel 9.5 Perlembagaan PIKM berkenaan **kelayakan perwakilan mesyuarat agung**. Semua ahli diminta menamakan dua (2) orang Perwakilan yang terdiri daripada Pemegang Saham atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat untuk menghadiri mesyuarat agung. Perwakilan yang dinamakan hendaklah mematuhi **Artikel 9 (Perkara 9.5) Perlembagaan PIKM**.

**Article 9.5 MEMBER REPRESENTATIVE**

Each Member shall be entitled to appoint not more than two (2) representatives to represent them at any AGM or Extraordinary General Meeting (EGM). These representatives must either be:

- a) the Executive Chairman, Managing Director or Executive Director in the case of companies registered under the Companies Act, 2016; or
- b) the Sole Proprietor (in the case of a business registered under the Registrar of Business) or a Partner in the case of partnership firm;
- c) provided that no proxies shall be allowed to attend the meeting and vote.



## LAMPIRAN 5

### **Panduan Mengisi Borang Penamaan Calon (Borang C):**

1. Syarikat yang ingin mencadangkan calon untuk bertanding sebagai Ahli Jawatankuasa PIKM Sesi 2021-2023 perlu mengisi dengan lengkap Borang Penamaan Calon seperti di **Borang C** melalui **Portal e-PIKM ([www.e-pikm.my](http://www.e-pikm.my))**.
2. Syarikat perlu memastikan butiran yang diperlukan iaitu nama calon, nama syarikat calon dan nombor kad pengenalan calon **diisi dengan tepat**.
3. **Pencadang dan Penyokong** hendaklah dari kalangan **Pengarah atau Pemegang Saham** dari **syarikat yang berlainan**.
4. Borang Penamaan Calon (**Borang C**) **WAJIB** dicetak di Portal e-PIKM dan disahkan secara bertulis oleh Pengarah Urusan dan **hanya akan diterima** oleh Sekretariat PIKM **secara penghantaran emel ke alamat emel [agm28@pikm.my](mailto:agm28@pikm.my)**.
5. Persatuan berhak untuk menolak cadangan pencalonan bagi maklumat yang didapati **tidak lengkap atau tidak sah**.

**Nota:** Petikan Perlembagaan

#### **Artikel 9.3 NOMINATIONS**

Nominations for the election of Members' representatives as office bearers and to the Elected Committee shall be made in writing by an active Member proposer and seconded by another active Member and sent to the Honorary Secretary not later than twenty-one (21) clear days before the date of the AGM.

#### **Artikel 11.5 ELIGIBILITY**

##### **11.5.1 Elected Committee**

To be eligible for election as an Elected Committee Member, a Member's representative shall be a Malaysian citizen and shall either be the Executive Chairman, Executive Director or Managing Director of a Member company AND must be a registered shareholder of a Member Company, holding a minimum of ten percent (10%) of the paid up share capital in the company in the case of a company registered under the Companies Act, 2016 (Act 777) or the sole proprietor in the case of business registered with the Registrar of Business, or a partner in the case of business under the Partnership Act, 1961 (Act 135 (Revised 1974) or Limited Liability Partnership Act, 2010 (Act 743) and must be a Malaysian citizen and not disqualified by virtue of Article 11.6.

##### **11.5.2 President**

Notwithstanding Article 11.5.1, the candidacy for President shall be a current Shareholder of a security company or a Director of that company for at least 5 years and shall have served as Elected Committee for two (2) terms.

***(Sambungan Lampiran 5)***

**11.5.3 Deputy President**

Notwithstanding article 11.5.1, the candidacy for Deputy President shall be a current Shareholder of a security company or a Director of that company for at least 5 years and served as a Elected Committee thereat for one (1) term.

**11.5.4 Vice President**

Notwithstanding article 11.5.1, the candidacy for Vice President shall be a current Shareholder of a security company or a Director of that company for at least 5 years.

## LAMPIRAN 6

### TARIKH-TARIKH PENTING BERKAITAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PIKM KE-28 PADA 28 DISEMBER 2021

BIL.	PERKARA	TARIKH	CATATAN
1.	Mesyuarat Agung Tahunan PIKM ke-28	28 Disember 2021 (Selasa)	Dewan Mentari, Mövenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Kompleks Th Sepang, Jalan Masjid KLIA, 64000 Sepang, Selangor.
2.	Penghantaran Notis Mesyuarat Agung	24 November 2021 (Rabu)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Laman Web PIKM &amp; Emel.</li><li>• Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.1 iaitu 30 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.</li></ul>
3.	Borang Perwakilan (Borang A)	15 Disember 2021 (Rabu), sebelum jam 5.30 petang	Bagi kelancaran dan persediaan awal mesyuarat.
4.	Borang Cadangan Usul (Borang B)	7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Sekiranya ada.</i></li><li>• Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.2 iaitu 21 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.</li></ul>
5.	Borang Penamaan Calon (Borang C)	7 Disember 2021 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang.	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Sekiranya ada.</i></li><li>• Perlembagaan PIKM pada Artikel 9.3 iaitu 21 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.</li></ul>
6.	Laporan Mesyuarat Agung (dimuat turun melalui laman web rasmi Persatuan ( <a href="http://www.pikm.my">www.pikm.my</a> )) <ul style="list-style-type: none"><li>• Minit Mesyuarat Agung Tahunan PIKM Ke-27;</li><li>• Laporan Aktiviti 2021;</li><li>• Laporan Kewangan Berakhir Disember 2020;</li><li>• Agenda;</li><li>• Usul bertulis;</li><li>• Senarai calon pemilihan yang layak.</li></ul>	21 Disember 2021 (Selasa)	Perlembagaan Artikel 9.4 iaitu 7 hari sebelum tarikh mesyuarat agung.